

14/01/2000

Umno Kapar calon semula Dr M, Abdullah

KLANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula bagi jawatan Presiden Umno manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai timbalan presiden dalam Perhimpunan Agung Umno pada Mei, ini.

Umno Bahagian Kapar dalam mesyuaratnya di Bangunan Umno bahagian dekat sini, malam tadi mencalonkan kedua-duanya bagi jawatan itu dengan sebulat suara.

Timbalan Ketua Umno bahagian, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata Umno bahagian itu juga mencalonkan Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, bertanding jawatan Naib Presiden Umno dalam perhimpunan itu.

"Dalam mesyuarat ahli jawatankuasa Umno bahagian, kami sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing selaku Presiden dan Timbalan Presiden sebagaimana yang disyorkan oleh Majlis Tertinggi Umno (MT) baru-baru ini," katanya di sini, hari ini.

Katanya, bahagian itu juga mencalonkan Speaker Dewan Undangan Negeri yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Onn Ismail bertanding jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno Malaysia.

Jawatan itu kosong berikutan penyandangannya, Tan Sri Shoib Ahmad, meninggal dunia, tahun lalu.

(END)